



SIARAN MEDIA

SESI PENDENGARAN AWAM (PUBLIC HEARING) MENGENAI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERLOMBONGAN UNSUR NADIR BUMI BUKAN RADIOAKTIF (NR-REE) DI NEGERI PERAK

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah melaksanakan sesi Pendengaran Awam mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan NR-REE Di Negeri Perak pada 19 Disember 2021 di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh Perak. Sesi ini bertujuan mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak berkepentingan mengenai SOP yang telah dibangunkan bagi memastikan perlombongan NR-REE diusahakan secara bertanggungjawab, mampan dan dikawalselia secara menyeluruh di peringkat pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan.

Seramai 106 peserta daripada kalangan penggiat industri, jurutera perunding, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan agensi-agensi kerajaan telah menyertai secara fizikal. Sesi ini juga turut disiarkan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Webinar dan Facebook Live yang disertai masing-masing seramai 201 dan 20 peserta.

Sebanyak 4 pembentangan telah disampaikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif SOP Perlombongan NR-REE Negeri Perak, Pengarah JMG Negeri Perak, Pengarah JAS Negeri Perak dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom.

Sebanyak 20 ulasan dan pandangan telah dikemukakan semasa sesi dilangsungkan. Secara umumnya maklumbalas yang diterima adalah bersifat positif dan membina. Antara perkara yang dibangkitkan ialah isu pencemaran air bawah tanah, kaedah mitigasi dan pemantauan bagi perlombongan yang dijalankan. Terdapat juga ulasan yang menyentuh mengenai pembangunan industri NR-REE di peringkat pertengahan dan hiliran agar NR-REE tidak hanya dieksport secara mentah tetapi diproses sehingga ke peringkat hiliran bagi mendapatkan nilai tambah yang tinggi.

Kaedah perlombongan alternatif selain daripada *In-Situ Leaching* (ISL) turut dibangkitkan bagi mengenalpasti kaedah yang lebih baik dan berkesan serta tidak bergantung kepada satu kaedah sahaja. Elemen pemulihan tapak lombong semasa peringkat pasca perlombongan turut diberikan perhatian agar dapat menentukan penanda aras yang bersesuaian bagi mengesahkan kerja-kerja pemulihan telah selesai sepenuhnya.

Kekeliruan berhubung sumber REE tidak beradioaktif dan kebimbangan pencemaran bahan beradioaktif pada tanah dan hasil perlombongan telah dibincang dan diperjelaskan. Umumnya, sesi pendengaran ini merumuskan agar pembangunan NR-REE ditumpukan kepada perlombongan berskala besar.

KeTSA bersama-sama Ahli Jawatankuasa Eksekutif akan meneliti pandangan-pandangan yang dikemukakan dan membuat pindaan sewajarnya terhadap dokumen SOP tersebut.

Sebagai makluman umum, ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif adalah terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang berkaitan perlombongan, hidrologi, hidrogeologi dan pembangunan lestari termasuk juga wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta penggiat industri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Azizan bin Abu Samah yang juga merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan, Universiti Malaya. Selain beliau, jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Dr. Saim bin Suratman (Perunding Hidrogeologi), Prof. Dr. Maketab bin Mohamad (NGO), Prof. Madya Dr. Noradzharuddin Shah bin Abdullah (Pensyarah USM), Prof. Madya Dr. Hashim bin Hussin (Pensyarah USM) dan Zaidi bin Harun (wakil penggiat industri).

YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

24 DISEMBER 2021